

**ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300
DIPLOMA IN CIVIL ENGINEERING
UTM CAW. PERLIS**

DISEDIAKAN UNTUK :

**ENCIK AMRAN B. AWANG
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN**

OLEH :

**MOHD. FADZLY B. IDERIS
96703531**

**IZATUL HIZAM B. JAKARIAH
96390683**

**NORLIZAM B. MOHAMAD
96570678**

<u>KANDUNGAN</u>	<u>M/S</u>
KANDUNGAN	1
SURAT PENYERAHAN	2
PENDAHULUAN	5
PENGENALAN	8
LOGO	10
PENGHARGAAN	13
TUJUAN	15
LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	17
LATAR BELAKANG PEKONGSI	19
SURAT PERJANJIAN PEKONGSI	23
PELAN LOKASI PEJABAT	27
RANCANGAN PENTADBIRAN	29
RANCANGAN PEMASARAN	46
RANCANGAN OPERASI	67
RANCANGAN KEWANGAN	97
RUMUSAN	114
LAMPIRAN	116

PENDAHULUAN

Rancangan Perniagaan ini adalah merupakan sebuah dokumen bertulis yang menerangkan secara keseluruhan tentang perniagaan atau projek yang hendak dijalankan, ia merupakan pelan induk perniagaan yang menerangkan kajian-kajian yang telah dibuat dan langkah-langkah yang telah diambil pada masa hadapan untuk membangunkan dan memajukan perniagaan.

Syarikat yang bakal ditubuhkan ini iaitu Bina Juara Sdn Bhd, akan menjalankan perniagaan berkonsepkan seni mempertahankan diri. Perniagaan ini adalah sejenis perniagaan perkongsian dimana ia akan beroperasi di sekitar daerah Kota Setar, Kedah dan pejabatnya terletak di Alor Setar, Kedah.

Faktor yang menyebabkan perniagaan ini dipilih adalah kerana tidak banyak lagi syarikat dibuka dengan berkonsepkan seni mempertahankan diri dan ini memberikan kami peluang untuk menjalankan perniagaan jenis ini.

Pada umumnya ia merangkumi analisa-analisa, ramalan, jangkaan, dan strategi perniagaan. Matlamat utama ialah untuk memastikan bahawa projek yang bakal dijalankan itu mempunyai potensi berdaya maju.

Rancangan perniagaan berupaya memberi gambaran yang jelas tentang matlamat projek dan cara untuk mencapai matlamat dalam jangkamasa yang ditetapkan sekiranya ia disediakan dengan teliti.

Apabila dikatakan merancang perniagaan ia lebih merupakan peringkat membuktikan bahawa idea-idea projek dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelbagai masalah akan timbul jika ia tidak disediakan dengan lengkap dan teliti.

Tujuan penyediaan Rancangan Perniagaan antaranya ialah:

- Memudahkan usahawan melihat dan menilai projek secara objektif, kritikal dan praktikal.
- Menjadi garis panduan untuk menguruskan perniagaan.
- Mengkaji dan menilai samada perniagaan yang bakal dijalankan berdaya maju atau tidak.

Pengenalan

Seni bela diri telah wujud pada zaman dahulu lagi. Sejak itu ia terus berkembang, sehingga kita dapat ia terdapat dalam pelbagai cabang seperti silat, karate, taekwando, kungfu dan sebagainya. Secara tidak langsung ia adalah satu warisan yang unik dan klasik untuk dipelihara.

Memandangkan pembangunan yang semakin canggih serta kesibukan diri, masyarakat kini kian alpa dan leka sehingga melupakan warisan nenek moyang mereka. Tetapi kini seni bela diri semakin mendapat perhatian diseluruh dunia samada secara langsung atau tidak.

Oleh itu Syarikat Bina Juara telah mengambil langkah inisiatif untuk memperkembangkan dan memperluaskan lagi minat dan tarikan dalam bidang seni bela diri ini, dengan itu semoga ahli pecinta seni dapat menyokong syarikat kami dalam menghidupkan kembali warisan seni bela diri ini.

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Nama perniagaan : BINA JUARA SDN. BHD.
Alamat perniagan : Lot 23, Aras 2, City Plaza, 05000 Alor Setar,
Kedah.
Alamat surat-menjurat : SDA
No. Telefon : -
Bentuk perniagaan : Perkongsian
Kegiatan utama : Menjual alatan Martial Art
Tarikh memulakan perniagaan : 01 Januari 2000
No.pendaftaran : -
Modal permulaan : RM **110,000**
Nama bank : Bank Pembangunan Rakyat
No akaun bank : 9-366950-88